

Biografi Legenda Bola Sepak Negara : Kamarul Zaman Yussoff

Abigail Alexander
Dayang Nur Jazmine Athira
Mohd Nizam Bin Yunus
Azman Mat Isa

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Penyelidikan ini berdasarkan pengalaman dan pencapaian seorang individu yang merupakan seorang tokoh ataupun legenda dalam bidang sukan negara sepanjang pembabitannya di dalam arena sukan. Maklumat yang terdapat di dalam penulisan artikel ini adalah berdasarkan kajian literatur dan sejarah lisan yang telah dilakukan bersama Kamarul Zaman Yussoff iaitu bekas pemain bola sepak negara. Pengalaman serta pencapaian beliau ini dapat dijadikan manfaat serta memberikan kesan kepada orang ramai terutamanya bagi mereka yang melibatkan diri dalam bidang yang sama seperti beliau. Penulisan artikel ini memberi fokus terhadap beberapa perkara seperti, memberi pendedahan mengenai peranan serta sumbangan tokoh dalam bidang yang diceburinya dan kehidupan beliau selepas bersara dari bidang tersebut. Oleh itu, segala maklumat di dalam artikel ini diharapkan dapat membantu menambah kajian literatur mengenai sejarah hidup seorang bekas legenda sukan negara.

Kata kunci: Kamarul Zaman Yussoff, Pengalaman, Pencapaian, Sukan, Sejarah Hidup

Abstract

This research is based on the experience and achievement of an individual who is a person or such a legend in national sport during his involvement in that particular time. The information contained in this writing of the article is based on a literature

review and oral history that has been conducted with the former football player, Kamarul Zaman Yussoff. His experience and achievements can bring benefits and impact to the public and specifically to those who were involved in football during his era. This article focuses on few things such as his experience as a footballer on and off the field and his life after his retirement. Thus, all information provided may add to literatures available on retired footballers.

Keywords: *Kamarul Zaman Yussoff, Achievements, Sports, Football*

Pengenalan

Sukan dapat didefinisikan sebagai aktiviti fizikal yang dilakukan untuk pelbagai tujuan seperti untuk pertandingan, keseronokan, kemahiran, kecemerlangan dan sebagainya. Perbezaan tujuan inilah yang akan membezakan sifat sesuatu sukan tersebut (Dunia Sukan, 2017). Sebagai contoh, lumba renang di hadapan ribuan penonton akan dikira sebagai sukan manakala berenang bersendirian di kolam akan dianggap dan dilihat sebagai aktiviti rekreasi bagi mengisi masa lapang.

Selain itu, sukan juga dapat ditakrifkan sebagai salah satu aktiviti riadah di mana semua individu boleh mengisi masa lapang dengan menghabiskan waktu dengan melakukan aktiviti fizikal. Dengan cara ini, setiap individu dapat mengisi waktu yang terluang dengan melakukan aktiviti yang berfaedah di samping mempunyai kesihatan yang baik serta dapat mengamalkan gaya hidup yang sihat. Sukan terdiri daripada permainan sukan dalam bangunan (Indoor games) dan permainan sukan luar (outdoor games). Contohnya, permainan sukan dalam bangunan (indoor games) seperti permainan futsal dianggap sebagai versi bola sepak yang mendapat pengiktirafan daripada badan induk bola sepak besar dunia iaitu FIFA. Manakala sukan bola sepak pula merupakan sukan yang paling digemari di Malaysia dan ianya jatuh di dalam kategori sukan luar bangunan (outdoor games).

Latar Belakang Tokoh

Kamarul Zaman Yussoff merupakan anak jati Perak. Beliau dilahirkan pada tanggal 9 November 1960 di Kuala Kangsar, Perak. Bapa beliau, Yussoff Bin Itam Ahmad merupakan seorang anggota tentera dan juga merupakan seorang pemain bola sepak yang mewakili pasukan tentera. Manakala ibu beliau, Wan Ainy Binti Wan Zahari merupakan surirumah sepenuh masa. Beliau mempunyai enam orang adik beradik dan beliau merupakan anak kedua dalam keluarganya. Kini, kesemua adik beradik beliau telah pun bekerja dalam bidang yang diceburi masing-masing. Namun begitu, beliau telah menggalas tanggungjawab sebagai ketua dalam keluarganya setelah kematian bapa dan abang sulung beliau. Kamarul Zaman kini telah pun mendirikan rumah tangga bersama suri hati pilihannya iaitu Noorlaily Binti Mohammed yang juga merupakan surirumah sepenuh masa.

Usia perkahwinan beliau bersama isteri tercinta telah menjangkau 31 tahun, dan hasil daripada perkahwinan mereka, beliau dikurniakan seramai enam orang cahaya mata iaitu tiga lelaki dan tiga perempuan. Tiga daripada anak beliau telah mendirikan rumah tangga dan selebihnya masih belajar. "*Sentiasa melakukan sesuatu perkara itu dan tidak menoleh ke belakang serta inginkan kebahagiaan*" adalah merupakan prinsip dalam kehidupan beliau. Beliau juga menyifatkan selain daripada didikan agama yang harus diberikan kepada anak-anak, pendidikan sivik juga harus diterapkan kerana bagi beliau, dengan adanya sivik ataupun moral di dalam diri seseorang individu, ia akan membentuk seseorang itu untuk menjadi seorang yang bermoral di masa akan datang.

Latar Belakang Pendidikan

Kamarul Zaman memulakan zaman persekolahannya di Sekolah Rendah Clifford pada tahun 1967. Namun begitu, beliau telah berpindah ke beberapa buah sekolah yang berlainan. Beliau pernah bersekolah di Taiping dan Sarawak. Hal ini adalah disebabkan, beliau mengikut arwah bapa beliau yang ketika itu merupakan anggota tentera dan sering berpindah randah atas tugas yang diberikan. Sekolah terakhir beliau adalah di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Datok

Lokman, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Ketika di alam persekolahan, beliau amat meminati mata pelajaran sejarah. Beliau juga merupakan seorang yang aktif bersukan dan sukan yang paling diminatinya adalah sukan bola sepak. Beliau terlalu aktif bersukan, sehinggakan beliau menyatakan pengalaman manisnya ketika di alam persekolahan adalah berjaya terpilih untuk mewakili sekolah dalam pertandingan bola sepak bawah 12 tahun walaupun ketika itu usianya hanya 9 tahun.

Namun begitu, pada usianya 11 tahun, beliau tidak dapat mewakili sekolah di dalam pertandingan bola sepak yang dipertandingkan kerana beliau terpaksa mengikut ayahnya berpindah ke Sarawak untuk berkhidmat di sana. Beliau melanjutkan pelajaran pada tahun 2000 di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Diploma Pengurusan Sukan. Selain itu, pada tahun 2007 beliau mengambil lesen kejurulatihan bagi sukan bola sepak dan menjadi jurulatih bola sepak untuk beberapa kumpulan 'junior' ketika itu.

Kerjaya Tokoh

Bola sepak amat sinonim dengan minat beliau sehinggakan beliau menyatakan bahawa bersukan itu merupakan hobi beliau. Tambahan pula, sukan yang diminatinya itu merupakan salah satu sukan yang diceburi oleh arwah bapa. Oleh kerana minatnya itu, beliau telah terpilih untuk mewakili sebuah bank di Kuala Lumpur tempat beliau bekerja. Selain itu, beliau pernah bekerja di Maybank, Ambank dan juga RHB Bank. Semasa beliau berkhidmat di bank, beliau diberikan tanggungjawab mengurus kewangan, pinjaman dan lain-lain lagi. Beliau turut mewakili bank tersebut untuk segala jenis perlawanan bola sepak seperti perlawanan di antara bank-bank dan *Piala Government* yang dianjurkan oleh pihak berkenaan.

Menurut Kamarul Zaman, pada usianya 19 tahun, beliau berjaya melibatkan diri bermain di peringkat kelab di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kelab pertama beliau sertai adalah Tunas Harapan dan ketika itu juga, beliau menyatakan bahawa elaun yang diterima adalah sebanyak RM5.00. Penglibatan

beliau di dalam sukan bola sepak mula aktif dan serius sehingga beliau terpilih untuk bermain dibawah pasukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan berjaya terpilih di antara dua puluh dua orang terbaik untuk mewakili pasukan Wilayah Persekutuan bermula tahun 1981 hingga 1986.

Beliau kemudiannya bertukar kerja di bank yang baharu di mana bank tersebut beroperasi di Selangor. Menurut beliau, sewaktu proses pertukaran tersebut, secara automatiknya beliau tidak lagi boleh mewakili Wilayah Persekutuan dalam mana-mana perlawanan bola sepak. Oleh kerana beliau telah berkhidmat dengan bank di Selangor, beliau perlulah mewakili negeri Selangor serta kelab-kelab di negeri Selangor sahaja. Di sini bermulalah kerjaya beliau sebagai pemain yang banyak memenangi gelaran dan piala utama untuk negara pada ketika itu. Antara piala yang pernah dimenangi oleh beliau sewaktu bermain dengan pasukan Selangor ialah, Piala Malaysia, Piala Agong dan banyak lagi.

Seterusnya, oleh kerana prestasi yang baik ditunjukkan oleh beliau sewaktu beliau bergelar pemain 'junior' dan bermain untuk pasukan Selangor, beliau terpilih untuk mewakili pasukan kebangsaan di peringkat 'senior' yang membolehkan beliau untuk bermain di peringkat antarabangsa. Beliau juga turut bermain dengan nama-nama besar seperti Allahyarham Dato' Mokhtar Dahari, Datuk Soh Chin Aun, Datuk Santokh Singh serta nama-nama besar yang lain. Antara kejohanan besar yang beliau bermain sewaktu mewakili pasukan senior negara adalah, Pestabola Merdeka di mana ketika itu pasukan besar seperti Korea Selatan turut menyertai kejohanan tersebut. Selain itu beliau turut bermain untuk kelayakan ke Piala Dunia di mana Malaysia turut diundi bersama pasukan Korea Selatan yang merupakan pesaing paling kuat untuk Malaysia pada ketika itu.

Menurut Kamarul Zaman lagi, setiap perlawan yang diwakilinya mencipta seribu satu kenangan manis dan pahit sebagai seorang yang bergelar pemain bola sepak negara. Selain itu, beliau ditawarkan untuk bermain bagi pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM). Pemain-pemain pasukan tersebut bukan sahaja terdiri daripada anggota badan beruniform itu sendiri, akan tetapi ada di antara pemain-pemain tersebut merupakan bekas

pemain kebangsaan. Beliau menerima tawaran tersebut dan bermain untuk pasukan ATM selama setahun manakala bagi pasukan PDRM selama dua tahun. Selepas itu, beliau membuat keputusan untuk bersara dalam kerjaya sukan bola sepak dan kembali berkhidmat di bank.

Sumbangan dan Pencapaian

Kamarul Zaman merupakan salah seorang individu yang berjaya menaikkan nama sukan bola sepak bersama nama-nama besar skuad Harimau Malaya yang lain seperti, Allahyarham Mokhtar Dahari, mendiang R Arumugam, Datuk Soh Chin Aun, Datuk Santokh Singh dan ramai lagi. Antara sumbangan dan pencapaian yang membawa kenangan kepada Kamarul Zaman adalah, naib juara Piala Presiden Bangladesh 1983 dan bermain di dalam Pestabola Merdeka dari tahun 1983 hingga 1985.

Kamarul Zaman juga berjaya memenangi pingat gangsa dalam acara bolasepak di Sukan SEA Bangkok 1985. Pada tahun 1986, beliau Bersama pasukan kebangsaan meraih juara Pestabola Merdeka dengan menewaskan pasukan pilihan Czechoslovakia. Di peringkat Asia pula, Kamarul Zaman membantu negara di dalam perlawanan kelayakan Piala Asia 1984 dan 1986, kelayakan Olimpik pada tahun 1984 dan 1988 serta kelayakan Piala Dunia 1986. Malah beliau juga turut berjaya membantu negara untuk layak beraksi di Sukan Asia 1986 di Seoul.

Kerjaya selepas bersara sebagai pemain bola sepak

Setelah bersara sebagai pemain bola sepak negara, beliau kembali berkhidmat di bank secara sepenuh masa selama 23 tahun. Namun begitu, setelah sekian lama berkhidmat di bank, beliau mengambil keputusan untuk berhenti setelah pihak bank menawarkan beliau untuk mengambil *Voluntary Separation Scheme, VSS* yang ditawarkan oleh pihak bank pada tahun 2009. RHB adalah majikan terakhir beliau di dalam sektor perbankan. Beliau kemudiannya ditawarkan berkerja di sebuah organisasi swasta yang terletak di Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Organisasi tersebut adalah Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai YAKEB, dan ketika itu pengerusinya ialah Dato' Mokhtar Jaafar. Kamarul Zaman menyatakan bahawa beliau merupakan rakan seperjuangan dan juga merupakan bekas pekerja bank. Tambahan pula, ketika itu yayasan tersebut baru sahaja ditubuhkan pada hujung tahun 2008, dan Kamarul Zaman menyatakan bahawa beliau merupakan antara individu terawal yang mula berkhidmat di yayasan tersebut. Kamarul Zaman juga menyifatkan bahawa, minatnya terhadap sukan telah mendorong beliau untuk berkhidmat di situ bermula pada hujung tahun 2009.

Hal ini adalah disebabkan, organisasi tersebut merupakan sebuah organisasi yang menjaga kebajikan atlet dalam pelbagai aspek yang sesuai bagi mencapai matlamat serta memberi manfaat kepada para bekas atlet Negara termasuklah atlet kelainan upaya, OKU, (Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan, 2019) yang mana ia amat selari dengan jiwa beliau sebagai bekas atlet. Selain itu, menurut beliau lagi, yayasan tersebut adalah merupakan tempat untuk mereka mengumpul segala data ataupun informasi berkaitan atlet negara. Kini, beliau memegang jawatan sebagai, Eksekutif Kewangan Kanan yang bertanggungjawab dalam menguruskan segala urusan kewangan di yayasan tersebut (Harian Metro, 2018).

Kamarul Zaman juga melibatkan diri dalam kerjaya kejurulatihan. Beliau dipanggil untuk melatih beberapa pasukan atau kelab 'junior' di kawasan tempat tinggal beliau. Beliau dilantik untuk menjadi jurulatih untuk mengajar teknik bola sepak untuk kanak-kanak di peringkat akar umbi yang mana kanak-kanak tersebut terdiri daripada golongan 8 ke 10 tahun. Di samping itu, beliau turut diberikan lesen kejurulatihan yang membolehkan beliau diberi pengiktirafan untuk melatih kanak-kanak ini. Namun begitu, pada tahun 2010, beliau mengambil keputusan untuk berhenti menjadi jurulatih kerana ingin memberi fokus dengan kerjayanya yang sekarang di YAKEB.

Pendapat dan Harapan

Sebagai seorang bekas pemain bolasepak kebangsaan, banyak sumbangan yang telah diberikan oleh Kamarul Zaman kepada negara. Beliau berpendapat bahawa corak permainan skuad kebangsaan pada ketika ini perlu diperkemaskan lagi. Beliau juga berpendapat bahawa, ia bergantung pada masa dan pemain itu sendiri untuk bermain secara berpasukan bagi melayakkan diri mereka untuk pergi ke peringkat lebih jauh. Namun begitu, beliau menyatakan bahawa beliau bukanlah individu yang layak yang boleh memberi komen bagaimana pemain bola sepak kebangsaan ketika ini boleh mengembalikan zaman kegemilangan sukan bola sepak sama seperti ketika beliau bergelar sebagai pemain dahulu.

Walaupun bagaimanapun, sebagai seorang yang berpengalaman, beliau menyifatkan bahawa semangat pemain ketika ini tidak sekuat semangat pemain sewaktu zamannya dahulu. Hal ini kerana, beliau menyifatkan semangat kenegaraan itu penting sewaktu bermain untuk negara dan pemain itu sendiri harus fikir dimana silapnya sesuatu perkara itu supaya ia boleh diperbaiki. Harapan beliau adalah, tidak kira mereka dipihak pengurusan mahupun pemain bola sepak itu sendiri, kedua-duanya haruslah memikirkan bagaimana mereka boleh memperbaiki corak permainan yang ada ketika ini untuk melayakkan diri mereka untuk pergi lebih jauh.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, Kamarul Zaman merupakan seorang legenda yang sangat dihormati oleh rakan-rakan seperjuangannya samada di dalam bidang bola sepak mahupun kerjaya di bank dan YAKEB. Dengan personaliti beliau yang bersahaja dan merendah diri, beliau tidak lokek untuk berkongsi ilmu serta menyuarakan pendapat dan nasihat yang berguna kepada pemain-pemain muda di luar sana. Sikap yang sebegini perlulah di contohi oleh semua golongan terutamanya golongan muda supaya kita boleh berjaya di masa hadapan. Selain

itu, beliau turut menasihatkan kepada pemain-pemain bola sepak muda di negara ini agar bermain bersungguh-sungguh demi lencana di dada.

Beliau berharap agar pemain-pemain muda negara kita untuk terus berjuang dan tidak pernah berputus asa bagi menaikkan semula nama serta reputasi pasukan negara ke peringkat yang lebih tinggi. Beliau juga menasihatkan supaya pemain-pemain muda ini tidak mudah lupa diri dan berharap agar mereka terus fokus supaya mereka dapat mengekalkan prestasi mereka. Kesimpulannya, beliau juga turut menyeru agar semua rakyat Malaysia terutamanya para penyokong kebangsaan untuk terus memberi sokongan yang padu kepada pasukan negara kita. Beliau berharap agar semua penyokong berganding bahu dan membuang sikap kenegerian agar industri bola sepak kita boleh melangkah lebih maju dan berjaya pada masa akan datang. (Kamarul Zaman, 2019)

Rujukan

Dunia Sukan (2017). 6 Sukan Dalam Yang Sentiasa Menjadi 'Trending' Dalam Negara. Akses 9 Oktober 2019 di <https://duniasukan.com/6-sukan-dalam-yang-sentiasa-menjadi-trending-dalam-negara/>

Kamarul Nikmati Persaraan (2018). Akses 10 Oktober 2019 di <https://www.pressreader.com/malaysia/harianmetro/20180317/282522953995273>

Kamarul Zaman Yusoff. (2019). Temubual Personal.

Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan, (2019). Halaman Utama. Akses 10 Oktober 2019 di <https://yakeb.org.my/>